

NOTIS PENGUMUMAN PENTING PELAKSANAAN SISTEM E-KEHAKIMAN SEMENANJUNG FASA 2

- 1** Sistem eKehakiman Fasa 1 (EKF1) akan digantikan dengan Sistem e-Kehakiman Fasa 2 (EKF2) di semua lokasi yang menggunakan EKF1 secara berperingkat.
- 2** Penggantian sistem EKF1 kepada EKF2 tersebut akan melibatkan penutupan akses kepada sistem EKF1 dan Migrasi Data dari EKF1 kepada EKF2 pada setiap hujung minggu mulai 4 Mei 2017 hingga 20 Jun 2017.
- 3** Semua pengguna sistem EKF1 perlu mengambil langkah-langkah penting seperti berikut:
- **Bayaran**
Semua pemfailan dan bayaran pemfailan dokumen hendaklah disempurnakan dalam tempoh 4 hari sebelum tarikh penutupan akses kepada EKF1 di lokasi berkenaan.
 - **Pemprosesan dokumen**
Semua dokumen hendaklah diproses oleh Mahkamah dalam tempoh 2 hari sebelum tarikh penutupan akses.
 - Berikut adalah garis masa tarikh pemfailan dan pemprosesan dokumen bagi EKF1:-

Lokasi	Tarikh akhir pemfailan dan bayaran penuh (termasuk penggunaan tiket carian fail) untuk EKF1 ke lokasi tersebut	Akses sementara EKF1 untuk rujuk akaun filing firma/agensi sendiri dan ekstrak dokumen sahaja	Tarikh akhir proses dokumen oleh pihak Mahkamah	Tarikh tutup sepenuhnya akses EKF1 di semua lokasi untuk migrasi data	Tarikh mula penggunaan EKF2 di lokasi tersebut	Akses EKF1 dibenarkan untuk pemfailan ke lokasi EKF1 lain yang belum gunakan EKF2
Kuala Terengganu	30 April	1 - 4 Mei	4 Mei (5pm)	5 Mei (5pm) - 7 Mei (7am)	7 Mei (7am)	7 Mei (7am) - 19 Jun
Kota Bharu	8 Mei	9 - 11 Mei	11 Mei (5pm)	12 Mei (5pm) - 14 Mei (7am)	14 Mei (7am)	14 Mei (7am) - 19 Jun
Johor Bahru	15 Mei	16 - 18 Mei	18 Mei (5pm)	19 Mei (5pm) - 21 Mei (7am)	21 Mei (7am)	21 Mei (7am) - 19 Jun
KMPP (George Town)	23 Mei	24 - 26 Mei	26 Mei (5pm)	26 Mei (5pm) - 29 Mei (7am)	29 Mei (7am)	29 Mei (7am) - 19 Jun
Ipooh	30 Mei	31 Mei - 2 Jun	2 Jun (5pm)	2 Jun (5pm) - 5 Jun (7am)	5 Jun (7am)	5 Jun (7am) - 19 Jun
Kuala Lumpur	6 Jun	7 - 9 Jun	9 Jun (5pm)	9 Jun (5pm) - 13 Jun (7am)	13 Jun (7am)	13 Jun (7am) - 19 Jun
Shah Alam	13 Jun	14 - 16 Jun	16 Jun (5pm)	16 Jun (5pm) - 19 Jun (7am)	19 Jun (7am)	19 Jun (7am) - 19 Jun
POJ	19 Jun	20 Jun	20 Jun (5pm)	20 Jun (5pm) - 22 Jun (7am)	22 Jun (7am)	Tutup akses EKF1 sepenuhnya

Nota : Bagi bayaran dokumen yang menggunakan akaun Korporat (B2B), peguam hendaklah pastikan kelulusan bayaran dibuat sebelum tarikh akhir bayaran yang ditetapkan.

- Jika terdapat pemfailan perakuan segera (contoh: notis rayuan, injunksi) yang perlu difaikkan sebelum tarikh penutupan akses sistem EKF1, peguam hendaklah memaklumkan segera kepada pegawai Mahkamah supaya dokumen dapat diproses serta-merta.
- Bagi mengelakkan masalah teknikal yang di luar jangka, dokumen-dokumen berikut tidak akan dimigrasi dari sistem EKF1 ke EKF2 dan perlu difaikkan semula menggunakan sistem EKF2:-
 - I. Sebarang dokumen yang tidak dibayar atau tidak cukup bayaran sebelum tarikh migrasi
 - II. Sebarang dokumen yang tidak lengkap diproses sebelum tarikh migrasi

Contoh senario mengenai proses pemfailan dokumen semasa penutupan akses EKF1:-

Pelaksanaan EKF2 di Mahkamah Kuala Terengganu

- Pada 30 April 2017, ia adalah tarikh akhir pemfailan dokumen dan bayaran dokumen di Mahkamah Kuala Terengganu. Mahkamah Kuala Terengganu masih boleh menerima pemfailan dokumen (yang lengkap bayaran) secara online dan juga dari Biro Perkhidmatan di 7 lokasi EKF1 yang lain pada tarikh tersebut.
- Pada 1-4 Mei 2017, tiada pemfailan dokumen dibenarkan ke Mahkamah Kuala Terengganu dari semua lokasi EKF1, kecuali kes perakuan segera dan dengan kebenaran Mahkamah.
- Pada 4 Mei 2017, pegawai Mahkamah Kuala Terengganu hendaklah memastikan semua dokumen dalam sistem EKF1 telah selesai diproses.
- Pada 5 Mei 2017 (5pm) - 7 Mei (7am), akses kepada sistem EKF1 akan ditutup sementara untuk migrasi data. Sistem e-filing dan CMS tidak akan dapat dicapai oleh semua pengguna EKF1 di semua lokasi EKF1.
- Pada 7 Mei 2017 (7am), semua pemfailan dokumen bagi kes Sivil dan kes Jenayah ke Mahkamah Kuala Terengganu hendaklah dibuat secara online atau melalui Biro Perkhidmatan dari lokasi sendiri atau dari semua lokasi lain menggunakan sistem EKF2.
- Pada 7 Mei (7am) - 19 Jun 2017, Biro Perkhidmatan di Mahkamah Kuala Terengganu masih boleh akses sistem EKF1 untuk membuat pemfailan dokumen ke 7 lokasi EKF1 lain yang belum menggunakan sistem EKF2.

- 4** Bagi mengelakkan masalah migrasi yang di luar jangka, Peguam hendaklah memastikan maklumat profil pengguna dikemaskini dalam sistem e-Filing dengan memasukkan nombor kad pengenalan yang tepat sebelum tarikh penutupan akses EKF1 yang ditetapkan.